

Waranti Terhad Samsung SSD Untuk Semua Samsung SSD

Terima kasih kerana membeli SAMSUNG Solid State Drive (“Produk”). SAMSUNG menghargai perniagaan anda dan sentiasa berusaha untuk menyediakan kualiti perkhidmatan yang terbaik. SILA BACA TERMA DAN SYARAT BERIKUT DENGAN TELITI SEBELUM MENGGUNAKAN PRODUK YANG DISEDIAKAN OLEH SAMSUNG ELECTRONICS CO., LTD. (“SAMSUNG”). PENGGUNAAN PRODUK OLEH ANDA MEWAKILI PERSETUJUAN DENGAN TERMA DAN SYARAT PERNYATAAN WARANTI TERHAD SAMSUNG SSD INI (“PERJANJIAN”).

A. Dasar Waranti

SAMSUNG menjamin kepada pembeli Produk dalam pembungkusan tertutup asalnya (“Anda”) bahawa produk adalah bebas daripada kecacatan bahan dan pertukangan, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ini, untuk TEMPOH LEBIH PENDEK : (I) TEMPOH YANG BERMULA PADA TARikh PRODUK DIBELI DALAM PEMBUNGKUSAN TERTUTUP ASALNYA SEHINGGA TARikh TAMAT TEMPOH WARANTI TERHAD SEPerti YANG DITENTUKAN DALAM DASAR WARANTI. (RUJUK PADA KESELURUHAN DASAR WARANTI UNTUK BUTIRAN.) (JIKA TIADA BUKTI TARikh PEMBELIAN DIBERIKAN, TEMPOH WARANTI AKAN DIANGGAP TELAH BERMULA TIGA (3) BULAN SELEPAS TARikh PRODUK DIKELUARKAN.); ATAU (II) TEMPOH YANG TAMAT PADA TARikh APABILA SSD TELAH MELEBIHI AMBANG TBW (JUMLAH BAIT DITULIS) SEPerti YANG DINYATAKAN OLEH PERISIAN MAGICIAN SAMSUNG (UNTUK MAKLUMAT KHUSUS MENGENAI AMBANG INI, SILA RUJUK PADA HELAIAN DATA UNTUK PRODUK SSD KHUSUS ANDA, YANG TERSEDIA DI www.samsung.com/ssd, www.samsung.com/samsungssd)

Dalam keadaan bukti pembelian yang sah tidak tersedia, tempoh waranti terhad akan ditentukan oleh tarikh pembuatan.

Dalam keadaan SAMSUNG menentukan, atas budi bicara mutlaknya, bahawa Produk mengalami kecacatan bahan atau mutu kerja dan tidak mematuhi sepenuhnya spesifikasi yang diterbitkan di bawah penggunaan biasa, untuk tempoh masa Anda memiliki Produk dan sepanjang tempoh waranti terhad dan tertakluk pada syarat dan pengecualian yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, SAMSUNG akan, atas pilihannya, sama ada: (1) membaiki atau menggantikan Produk dengan Produk baru atau yang diperbaharui dengan kapasiti dan fungsi yang sama atau lebih tinggi; atau (2) membayar balik nilai pasaran semasa pada masa itu bagi Produk pada masa tuntutan waranti dibuat kepada SAMSUNG jika SAMSUNG tidak dapat membaiki atau menggantikan Produk. Dalam kes penggantian, SAMSUNG mungkin menggantikan Produk Anda dengan salah satu yang digunakan sebelumnya, diperbaiki dan diuji bagi memenuhi spesifikasi SAMSUNG. Tempoh waranti untuk produk yang dibaiki dan diganti akan digunakan untuk tempoh lebih lama dari baki tempoh waranti asal atau sembilan puluh (90) hari. Produk yang dikembalikan untuk perkhidmatan penggantian tidak akan dihantar balik kepada Anda. Walau bagaimanapun, dalam kes NTF (Tiada Masalah Ditemui) menerusi diagnosis, Produk Anda akan dihantar balik kepada Anda. Anda perlu sentiasa menyandarkan data penting. Waranti ini hanya disediakan kepada Anda dan tidak boleh dipindahkan.

B. Syarat Waranti Terhad (Tempoh dan TBW)

Produk	Kapasiti	Dasar Waranti Produk (Tempoh atau TBW)
750 EVO	120GB	3 tahun atau 35 TB TBW
	250GB	3 tahun atau 70 TB TBW
	500GB	3 tahun atau 100 TB TBW
Siri 830	64GB/128GB/256GB/512GB	3 tahun
Siri 840	120GB/250GB/500GB	3 tahun
Siri 840 PRO	128GB/256GB/512GB	5 tahun (73 TB TBW untuk penggunaan syarikat)
Siri 840 EVO	120GB/250GB/500GB/ 750GB/1TB	3 tahun
850	120GB	3 tahun atau 75 TB TBW
Siri 850 PRO	128GB/256GB	10 tahun atau 150 TB TBW
	512GB/1TB	10 tahun atau 300 TB TBW
	2TB	10 tahun atau 450 TB TBW
	4TB	10 tahun atau 600 TB TBW
Siri 850 EVO	120GB/250GB	5 tahun atau 75 TB TBW
	500GB/1TB	5 tahun atau 150 TB TBW
	2TB/4TB	5 tahun atau 300 TB TBW
860 PRO	256GB	5 tahun atau 300 TB TBW
	512GB	5 tahun atau 600 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 2,400 TB TBW
	4TB	5 tahun atau 4,800 TB TBW
Siri 860 EVO	250GB	5 tahun atau 150 TB TBW
	500GB	5 tahun atau 300 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
	4TB	5 tahun atau 2,400 TB TBW
860 QVO	1TB	3 tahun atau 360 TB TBW
	2TB	3 tahun atau 720 TB TBW
	4TB	3 tahun atau 1,440 TB TBW

SAMSUNG

Produk	Kapasiti	Dasar Waranti Produk (Tempoh atau TBW)
870 QVO	1TB	3 tahun atau 360 TB TBW
	2TB	3 tahun atau 720 TB TBW
	4TB	3 tahun atau 1440 TB TBW
	8TB	3 tahun atau 2880 TB TBW
870 EVO	250GB	5 tahun atau 150 TB TBW
	500GB	5 tahun atau 300 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
	4TB	5 tahun atau 2,400 TB TBW
950 PRO	256GB	5 tahun atau 200 TB TBW
	512GB	5 tahun atau 400 TB TBW
960 EVO	250GB	3 tahun atau 100 TB TBW
	500GB	3 tahun atau 200 TB TBW
	1TB	3 tahun atau 400 TB TBW
960 PRO	512GB	5 tahun atau 400 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 800 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
970 EVO, 970 EVO Plus	250GB	5 tahun atau 150 TB TBW
	500GB	5 tahun atau 300 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
970 PRO	512GB	5 tahun atau 600 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
Siri 980 PRO	250GB	5 tahun atau 150 TB TBW
	500GB	5 tahun atau 300 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
980	250GB	5 tahun atau 150 TB TBW
	500GB	5 tahun atau 300 TB TBW
	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW

SAMSUNG

Produk	Kapasiti	Dasar Waranti Produk (Tempoh atau TBW)
Siri 990 PRO	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
	4TB	5 tahun atau 2,400 TB TBW
990 EVO	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
990 EVO Plus	1TB	5 tahun atau 600 TB TBW
	2TB	5 tahun atau 1,200 TB TBW
	4TB	5 tahun atau 2,400 TB TBW

C. Had Waranti Terhad

Waranti yang dinyatakan dalam ini TIDAK boleh digunakan jika: (i) Produk tidak digunakan menurut arahan yang mengiringinya, (ii) Produk tidak digunakan untuk fungsi atau persekitaran yang dimaksudkan (iii) sebarang kegagalan atau kerosakan yang timbul daripada kehadiran produk, perisian atau komponen pihak ketiga, sama ada dibenarkan atau tidak, (iv) sebarang kegagalan atau kesan merupakan hasil daripada pemasangan atau ujian yang tidak betul, salah guna, pengabaian, pemberian, pengubahsuaian yang tidak dibenarkan, kemalangan, atau sebab luaran yang lain, ATAU (v) wujud sebarang keadaan lain yang SAMSUNG dapat dianggap adalah bukti pelanggaran Perjanjian ini oleh Anda. Anda memperakui dan bersetuju bahawa Produk tidak direka bentuk untuk dan tidak boleh digunakan dalam, termasuk tanpa had, sistem sokongan hayat, penjagaan kritis, peralatan perubatan atau keselamatan, atau penggunaan lain yang mana kegagalan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan diri atau fizikal, atau sebarang penggunaan ketenteraan atau pertahanan atau sebarang pemerolehan kerajaan yang mana syarat atau peruntukan khas mungkin berkuat kuasa. Selaras dengan itu, SAMSUNG menafikan sebarang dan semua liabiliti berhubung dengan, yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sebarang penggunaan Produk sedemikian dan anda menanggung semua risiko yang timbul daripada sebarang penggunaan Produk yang sedemikian atau serupa.

Waranti SAMSUNG TIDAK meliputi sebarang kos dan perbelanjaan yang berkenaan dengan baik pulih/pemasangan dan pemulihan data SSD untuk pembaikan atau penggantian.

Waranti SAMSUNG juga TIDAK meliputi Produk yang, contohnya, telah diterima dalam bungkus tidak sempurna, diusik atau mengalami kerosakan fizikal. Produk akan diperiksa apabila diterima. Anda boleh merujuk pada senarai contoh bukan menyeluruh pengecualian waranti di bawah:

- dibungkus atau dihantar secara tidak wajar termasuk penggunaan bekas penghantaran yang
- tidak layak;
- sebarang usikan, pengubahsuaian atau kerosakan fizikal Produk, termasuk tetapi tidak
- terhad kepada, calar yang dalam;
- sebarang usikan, pengubahsuaian atau pengeluaran sebarang label atau kod bar
- SAMSUNG pada Produk;
- bekas SSD terbuka; atau
- pita pelekat atau nombor siri yang diusik atau hilang.



D. Pengehadan Waranti dan Pengehadan Liabiliti

KECUALI UNTUK WARANTI NYATA YANG DITENTUKAN DALAM INI, SAMSUNG MENAFIKAN SEMUA WARANTI NYATA DAN TERSIRAT YANG LAIN, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA SEBARANG WARANTI TERSIRAT MENGENAI KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN BUKAN PELANGGARAN, SEMASA URUSAN DAN PENGGUNAAN PERDAGANGAN. SEMUA WARANTI NYATA DAN TERSIRAT ADALAH TERHAD DALAM JANGKA MASA TEMPOH WARANTI TERHAD.

PERJANJIAN INI MENGANDUNG LIABILITI KESELURUHAN SAMSUNG AN REMEDI ESKLUSIF ANDA UNTUK PELANGGARAN PERJANJIAN INI. DALAM SEBARANG KEADAAN, SAMSUNG, PEMBEKALNYA ATAU MANA-MANA SEKUTUNYA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB UNTUK SEBARANG KERUGIAN TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, BERTURUTAN ATAU KHAS, SEBARANG KERUGIAN KEWANGAN ATAU SEBARANG KEHILANGAN DATA ATAU FAIL, WALAUPUN SAMSUNG TELAH DINASIHATI MENGENAI KEMUNGKINAN KEROSAKAN SEDEMIKIAN DAN WALAU APA PUN KEGAGALAN TUJUAN UTAMA SEBARANG REMEDI TERHAD. DALAM SEBARANG KEADAAN, LIABILITI SAMSUNG TIDAK BOLEH MELEBIHI AMAUN YANG ANDA BAYAR UNTUK PRODUK. PENGEHADAN DAN PENGECAULIAN INI DIGUNAKAN SETAKAT PENUH YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN.

E. Undang-Undang dan Bidang Kuasa

Perjanjian ini hendaklah ditadbir oleh dan ditetapkan berpandukan undang-undang Republik Korea (termasuk konflik peruntukan undang-undang yang mungkin mempengaruhi penggunaan undangundang bidang kuasa lain). Semua pertikaian, kontroversi atau tuntutan antara pihak yang timbul daripada atau berhubungan dengan Perjanjian ini (termasuk kewujudan, kesahihan atau penamatian) perlu diselesaikan melalui arbitrasi yang akan diadakan di Seoul, Korea dan dijalankan dalam Bahasa Inggeris di bawah Peraturan Arbitrasi Jabatan Perdagangan Antarabangsa. Pampasan arbitrasi adalah muktamad dan mengikat pada semua pihak. Kecuali setakat pemasukan pertimbangan dan sebarang penguatkuasaan selepas itu mungkin memerlukan pendedahan, semua hal yang berkaitan dengan arbitrasi, termasuk pampasan, perlu disimpan secara sulit.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lawati www.samsung.com/ssd dan www.samsung.com/samsungssd.